

TEKS UCAPAN:

YANG AMAT BERHORMAT

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN

MENTERI KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KENDURI RAKYAT

SEMPENA HARI ORANG ASLI TAHUN 2026

PADA:

18 OGOS 2026 (SELASA)

LOKASI:

KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI MOK,

ROMPIN, PAHANG

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Mengadap, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah.

2. Mengadap, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

3. Patik mohon limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, untuk patik menyampaikan sepatah dua kata, di dalam **Majlis Perasmian Program Kenduri Rakyat Sempena Hari Orang Asli Tahun 2026** di Kampung Orang Asli Sungai Mok pada hari ini.

4. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, jelas menyerlahkan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang dan sifat keprihatinan seorang Raja terhadap hal ehwal rakyat jelata di negara ini.

Ampun Tuanku,

5. Sepertimana yang kita maklum, Al-Quran telah diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala sebagai **sumber perundangan Islam dan turut merangkumi pelbagai jenis ilmu untuk di manfaatkan di dalam kehidupan dunia dan akhirat.**

6. Sesuai dengan firmah Allah Subhanahu Wataala berfirman di dalam Surah Al-Hujarat, Ayat 13, yang bermaksud:

*"Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan **Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak**, supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwa di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya."*

7. Firman tersebut amat sesuai dalam menggambarkan kepelbagaian suku kaum dan bangsa yang berada di Malaysia. Lebih harmoni, masyarakat Orang Asli yang berjumlah seramai 224,559 orang telah mewarnai citra kemajmukan di Malaysia yang penuh keunikan.

8. Di Negeri Pahang, di bawah naungan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, seramai 86,350 masyarakat Orang Asli terus mengecapi kemakmuran berkat pemerintahan Tuanku.

Ampun Tuanku,

9. Perihal majlis yang diadakan pada hari ini, ianya diadakan bersempena sambutan di peringkat antarabangsa yang dikenali sebagai Hari Orang Asal, yang disambut pada setiap 9 Ogos. Sambutan ini bertujuan untuk mempromosi budaya, melindungi hak dan mengiktiraf cara hidup Orang Asal di serata dunia.

10. Dalam konteks negara khususnya Semenanjung Malaysia, masyarakat Orang Asli adalah diiktiraf sebagai Orang Asal menurut *United Nations Declaration on The Rights of Indigenous People* (UNDRIP) yang disokong negara sejak 2007. Lebih unik bagi negeri Pahang, Orang Asli digelar sebagai Orang Kita, yang mencerminkan keakraban antara pelbagai kaum.

11. Justeru, Program Kenduri Rakyat yang diadakan di Kampung Orang Asli Sungai Mok pada hari ini bersempena sambutan tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk sama-sama meraikan budaya dan cara hidup masyarakat Orang Asli.

Ampun Tuanku,

12. Melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif, program serta usaha pembangunan melalui pelbagai aspek termasuk pembangunan sosioekonomi, pemerkasaan modal insan, pendidikan, kemahiran dan kerjaya, kebajikan, infrastruktur serta lain-lain meliputi kehidupan masyarakat Orang Asli bermula dari usia kandungan enam (6) bulan hingga urusan pengebumian jenazah.

13. Komitmen Kerajaan Persekutuan dizahirkan melalui peruntukan yang disalurkan bagi komuniti Orang Asli bagi tahun ini iaitu sebanyak RM412 juta bagi memastikan masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia mendapat akses kepada kesejahteraan hidup yang berkualiti.

14. Pada masa yang sama, peranan dan suara masyarakat Orang Asli terus diiktiraf dalam pembangunan negara secara langsung ataupun tidak langsung. Kecemerlangan masyarakat Orang Asli dalam setiap episod kejayaan membuktikan masyarakat Orang Asli telah beralih ke suatu fasa hidup yang semakin baik.

15. Malah, usaha ini telah diperkasakan melalui gerak kerja strategik dan kesepaduan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, serta ditambah dengan kebijaksanaan dan kepekaan Tuanku dalam pelbagai aspek masyarakat Orang Asli.

16. Selain itu, usaha ini turut dimainkan oleh pelbagai pihak lain seperti agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta individu yang telah melaksanakan pelbagai program di kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli.

17. Mewakili KKDW dan Kerajaan Persekutuan, Patik dengan penuh takzimnya menyatakan komitmen untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua masyarakat Orang Asli tanpa mengira latar belakang.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,

18. Patik memohon limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, untuk patik mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu jemputan pada hari ini.

- Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Diraja Haji Wan Rosdy Bin Haji Wan Ismail, Menteri Besar Pahang;

- Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Ramli Bin Dato' Mohd Nor, Timbalan Yang Di-Pertua I Dewan Rakyat Dan Ahli Parlimen Cameron Highlands;

- Yang Berhormat Datuk Hajah Rubiah Binti Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah;

- Yang Berbahagia Datuk Dr. Roslan Bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW;

- Yang Berusaha Tuan Muhammad Akmal Ila Bin Ahmad, Ketua Pengarah JAKOA;

Ampun Tuanku,

19. Patik pacal-pacal sekalian akan terus istiqamah dan melafazkan ikrar taat setia bagi menjunjung segala titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, bagi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara ini akan terus dipertahan dan dipelihara dengan sebaik-baiknya.

20. Patik sekali lagi merafak sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang sudi berangkat bercemar dull ke majlis ini.

21. Patik pacal-pacal sekalian mendoakan ke hadrat Allah S.W.T semoga Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang serta kaum kerabat sentiasa dilimpahi rahmat, kesejahteraan, kebahagiaan, aman sentosa, sihat walafiat, dilanjutkan usia serta kekal qarar memerintah atas singgahsana takhta Kerajaan Malaysia yang tercinta.

22. Patik menyusun sepuluh jari mohon ampun dan maaf andai ada silap dan salah dalam tutur kata patik sewaktu menyampaikan persembahan ucapan aluan yang tidak seberapanya ini.

Ampun tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

Sekian,
Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamuaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.